

**ARAHAN PENANGGUNGAN KERJA**

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : ( ) dlm.KKM-  
Tarikh : 05 Disember 2018 (atau tarikh  
sebelum Tanggung Kerja)

**Puan Wan Fatimah Binti Wan Osman**  
Penolong Pegawai Tadbir Gred N32  
Unit Naik Pangkat (Sokongan)  
Bahagian Sumber Manusia  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Puan,

**ARAHAN PENANGGUNGAN KERJA JAWATAN  
PENOLONG PEGAWAI TADBIR GRED N36**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Dimaklumkan bahawa puan dengan ini diarah menanggung kerja:
  - a. Jawatan: **Penolong Pegawai Tadbir Gred N36**
  - b. Bermula: **05.12.2018 hingga 04.05.2019 / atau sehingga jawatan diisi secara hakiki**
3. Sehubungan itu, puan adalah diminta mengambil perhatian akan peraturan 13 dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bil.17 Tahun 2007** iaitu :
  - (a) Menetapkan penanggungungan kerja selama **dua puluh lapan (28) hari berturut-turut** termasuk hari cuti mingguan, kelepasan am dan juga cuti rehat atas sebab-sebab kecemasan serta cuti sakit secara terkumpul yang tidak melebihi daripada **lima (5) hari bekerja** ;
  - (b) Menetapkan seseorang pegawai yang sedang menanggung kerja tetapi kemudiannya meninggalkan tugas jawatan yang ditanggung kerja itu selama **empat belas (14) hari atau lebih berturut-turut**, iaitu termasuk cuti mingguan dan kelepasan am, maka pembayaran Elaun Penanggungungan Kerja hendaklah dihentikan ;

- (c) Menetapkan seseorang pegawai yang pernah diluluskan menanggung kerja dan kemudiannya diluluskan **menanggung kerja jawatan yang sama**, boleh dibayar Elaun Penanggungan Kerja sekiranya tempoh penanggungan kerja kali kedua dan seterusnya tidak kurang **empat belas (14) hari berturut-turut** termasuk cuti mingguan dan kelepasan am. Dalam konteks ini, jawatan yang sama bermaksud jawatan yang pernah ditanggung kerja sebelumnya ; dan
- (d) Menetapkan jika pegawai yang menanggung kerja layak menerima Bayaran Lebih Masa, bayaran tersebut hanya boleh dibayar bagi tugas dilaksanakan **selepas dua (2) jam lima belas (15) minit daripada waktu bekerja pejabat.**

4. Jumlah elaun penanggungan kerja yang akan dibayar adalah berdasarkan kepada kaedah pengiraan yang ditetapkan di Peraturan 11 dan 12 dalam pekeliling perkhidmatan yang sama.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

**(ZAKARIA BIN TEH)**

Jawatan : **PEGAWAI TADBIR DAN DIPLOMATIK, GRED M52**

Jabatan/Kementerian : **UNIT NAIK PANGKAT (SOKONGAN)  
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA  
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA  
ARAS 9, BLOK E7, KOMPLEKS E  
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
62590 W. P. PUTRAJAYA**